

Terma dan Syarat IB Merdeka Challenge

Dengan menyertai IB Merdeka Challenge ("**Promo**"), peserta ("**Peserta**") mengakui bahawa mereka telah membaca dan menerima Terma dan Syarat ini ("**Terma dan Syarat**" dan/atau "**T&C**") serta bersetuju memikul kewajipan yang berkaitan.

Maklumat Umum

Promo ini dianjurkan dan dikendalikan oleh:

- **Syarikat (Penganjur):** FBS Markets Inc.
- **Emel:** support@fbs.com

Promo ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang jenama dan produk FBS (laman web fbs.com dan URL-URL tempatan, aplikasi peranti mudah alih FBS). Promo ini dianjurkan untuk tujuan pemasaran dan hiburan semata-mata dan tidak boleh dianggap sebagai aktiviti kebajikan atau sebarang aktiviti lain.

Penyertaan dalam Promo adalah secara sukarela sepenuhnya. FBS tidak menggalakkan atau mendorong sesiapa untuk berdagang dan tidak memberikan nasihat atau syor perdagangan.

Tempoh Promo

- Tarikh dan Masa Mula Promo: 1 Ogos 2025, 00:00 UTC+7
- Tarikh dan Masa Tamat Promo: 31 Ogos 2025, 23:59 UTC+7

Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua tarikh dan masa yang disebut dalam dan berkaitan dengan Promo ini dalam mana-mana dokumen, sumber, dan komunikasi adalah dalam **UTC+7**.

Kriteria Kelayakan

Untuk layak menyertai Promo ini, setiap Peserta mesti memenuhi semua syarat berikut:

- Peserta mestilah seorang Introducing Broker (IB) aktif yang berdaftar dengan FBS. Kedua-dua IB baru dan sedia ada layak untuk mengambil bahagian dalam Promo.
- Penyertaan tidak berlaku secara automatik. Peserta mesti menyertai Promo dengan mengklik butang Sertai Peraduan yang tersedia pada halaman kemajuan peraduan di Laman Partner. Hanya IB yang telah melengkapkan langkah ini akan dipertimbangkan untuk penyenaraian dalam leaderboard.
- Hanya pelanggan yang tersambung kepada IB selepas IB menyertai Promo melalui halaman kemajuan peraduan layak dikira dalam skor IB berkenaan.
- Penyertaan terhad kepada satu akaun IB bagi setiap individu. Sebarang percubaan untuk mengambil bahagian melalui pelbagai akaun, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan data pendaftaran, peranti, atau alamat IP yang berbeza, akan dianggap sebagai pelanggaran Terma ini dan boleh mengakibatkan penyingkiran daripada Promo secara serta-merta.

FBS berhak untuk menolak penyertaan atau membatalkan kelayakan mana-mana Peserta berdasarkan budi bicara mutlakanya jika Peserta didapati cuba untuk memintas peraturan, mengeksploitasi kelemahan sistem, atau terlibat dalam sebarang tingkah laku yang dilarang oleh Perjanjian Pelanggan FBS.

Takrifan "Pelanggan Baru"

Untuk tujuan Promo ini, "Pelanggan Baru" didefinisikan sebagai seseorang yang mendaftarkan akaun perdagangan buat pertama kali di FBS.

Untuk diambil kira sebagai sebahagian daripada prestasi IB dalam Promo, seorang pelanggan mesti memenuhi semua syarat berikut:

- Pelanggan mestilah baru didaftarkan, tanpa sejarah membuka akaun perdagangan dengan FBS sebelum itu;
- Pelanggan mesti tersambung kepada IB selepas IB menyertai promo melalui halaman kemajuan peraduan di Laman Partner;
- Pelanggan mesti membuat deposit minimum sebanyak \$50 semasa tempoh Promo menggunakan mana-mana kaedah pembayaran rasmi yang disokong oleh FBS;
- Pelanggan mesti melengkapkan urusanniaga perdagangan sebanyak sekurang-kurangnya 1 lot standard sepanjang tempoh Promo (volum perdagangan dikira merentasi semua instrumen kecuali yang jelas telah dikecualikan dalam polisi FBS).

Sekiranya berbilang pelanggan dengan nama, dokumen pengenalan, maklumat kontak, atau atribut lain yang boleh dikenal pasti yang sama didaftarkan di bawah IB yang sama, hanya salah satu daripada mereka akan diambil kira untuk pengiraan skor IB. FBS berhak untuk membatalkan kelayakan semua penyertaan seperti yang tersebut jika disyaki terdapat unsur salah guna atau afiliasi.

Peraturan Referral dan Penilaian Skor

Skor IB dalam Promo ditentukan oleh bilangan Pelanggan Baru yang layak yang mereka bawa masuk sepanjang tempoh Promo.

Seseorang pelanggan hanya akan diambil kira dalam penilaian skor IB jika syarat-syarat berikut dipenuhi:

- Pelanggan telah tersambung selepas IB menyertai Promo melalui Laman Partner;
- Pelanggan membuat deposit kelayakan sekurang-kurangnya USD 50 dan melengkapkan volum urusanniaga perdagangan yang diperlukan (sekurang-kurangnya 1 lot standard);
- Semua tindakan mesti berlaku dalam tempoh Promo.

Leaderboard Dan Pemilihan Pemenang

Pemenang promo akan ditentukan berdasarkan bilangan keseluruhan Pelanggan Baru yang layak yang dibawa masuk oleh setiap IB sepanjang tempoh promo.

- 30 Peserta teratas dengan bilangan Pelanggan Baru yang layak yang tertinggi akan disenaraikan mengikut urutan ranking dalam leaderboard.
- Sekiranya terdapat seri dalam bilangan pelanggan, ranking akan ditentukan berdasarkan jumlah volum urusan perdagangan pelanggan-pelanggan tersebut.
- Jika keputusan seri berterusan, FBS berhak untuk menggunakan kriteria penentuan ranking tambahan atas budi bicara mutlak.
- Urutan akhir posisi leaderboard akan diterbitkan di halaman kemajuan Promo dalam Laman Partner selepas Promo tamat.
- Semua keputusan yang dibuat oleh FBS berkenaan dengan ranking adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

Hadiah

Hadiah-hadiah berikut akan diberikan kepada 30 Peserta teratas berdasarkan ranking mereka:

Ranking	Hadiah
Tempat pertama	USD 1,500
Tempat ke-2	USD 1,000
Tempat ke-3	USD 500
Tempat ke-4	USD 300
Tempat ke-5	USD 200
Tempat ke-6 hingga ke-15	USD 100 (setiap seorang)
Tempat ke-16 hingga ke-30	USD 50 (setiap seorang)

Hadiah akan dikreditkan ke dalam akaun IB pemenang di platform FBS.

FBS akan menghubungi para pemenang menggunakan alamat emel atau nombor telefon yang terdaftar bagi profil Laman Partner mereka. Pemenang mesti memberikan respon dalam tempoh 14 hari kalendar dari percubaan kontak pertama. Kegagalan untuk memberi respon boleh mengakibatkan hadiah dilucuthak.

Pembayaran hadiah akan diproses dalam masa 45 hari bekerja dari tarikh pengesahan pemenang.

FBS berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan pampasan bernilai sama atau lebih tinggi atas budi bicara mutlak. Hadiah tidak boleh ditukar atau diganti atas permintaan pemenang.

Syarat-syarat Bonus

Untuk dikira sebagai referral yang sah, deposit Pelanggan Baru mesti kekal dalam akaun perdagangan selama sekurang-kurangnya 7 hari kalendar, atau sehingga syarat volum urusniaga perdagangan (1 lot standard) dipenuhi — yang mana lebih awal.

IB tidak didaftarkan secara automatik dalam Promo. Setiap IB mesti menyertai Promo dengan menekan butang *Sertai Peraduan* di Laman Partner untuk mengaktifkan penyertaan.

FBS berhak untuk menentukan dan menguatkuasakan semua peraturan yang berkaitan dengan penghantaran hadiah, kelayakan, dan integriti peraduan.

Pencegahan Fraud Dan Pelucutan Kelayakan

FBS berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dalam Promo jika terdapat sebab untuk mempercayai bahawa Peserta telah terlibat dalam fraud, penyalahgunaan, atau sebarang tingkah laku yang melanggar integriti, semangat, atau peraturan kempen. Sebab-sebab untuk pelucutan kelayakan termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Aktiviti Fraudulen Atau Penyalahgunaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - Mewujudkan atau menguruskan pelbagai akaun IB, atau berkoordinasi dengan orang lain untuk mensimulasikan kelebihan dalam persaingan;
 - Membawa masuk pelanggan yang tidak tulen atau berafiliasi (contohnya, rakan, keluarga, atau akaun yang dikawal sendiri);
 - Menggunakan bot, skrip, automasi, atau apa-apa bentuk manipulasi teknikal lain untuk mensimulasikan referral atau aktiviti perdagangan;
 - Meninggikan volum perdagangan secara artifisial melalui wash trading, lindung nilai (hedging) tanpa dedahan pasaran sebenar, atau apa-apa cara lain yang tidak mencerminkan tingkah laku pelanggan yang sah.
- Pelanggaran Terma Platform:
 - Pelanggaran Terma dan Syarat ini;
 - Pelanggaran Perjanjian Pelanggan FBS atau peraturan perdagangan platform;
 - Penggunaan promo dengan cara yang mencetus risiko reputasi, undang-undang, atau kawalan selia untuk FBS.
- Salah Nyata Atau Perdayaan:
 - Memberikan maklumat palsu atau mengelirukan semasa pendaftaran, pengesahan, atau proses referral pelanggan;

- Cuba untuk memintas peraturan mengenai status "Pelanggan Baru" atau kelayakan pelanggan;
- Sebarang tingkah laku yang dianggap oleh FBS sebagai tidak jujur, tidak beretika, atau berniat buruk.

Jika mana-mana perkara di atas (atau kelakuan seumpamanya) dikesan, FBS boleh, mengikut budi bicara mutlaknyanya, mengenakan satu atau lebih daripada akibat berikut:

- Melucutkan kelayakan penyertaan dalam Promo dan menggugurkan peserta daripada leaderboard;
- Membatalkan hadiah, walaupun ia telah diumumkan atau dihantar;
- Menggantung atau menyekat akaun IB, termasuk pembekuan pengeluaran sementara siasatan dijalankan;
- Mengecualikan peserta daripada promosi atau kempen FBS pada masa hadapan, sama ada secara sementara atau kekal.

FBS berhak untuk menyiasat sebarang aktiviti yang mencurigakan dan meminta dokumen sokongan daripada IB atau pelanggan yang dibawa masuk. Semua keputusan mengenai pelucutan kelayakan, penipuan, dan penyalahgunaan dibuat oleh FBS mengikut budi bicara mutlaknyanya dan adalah muktamad dan tidak boleh dirayu.

Penggunaan Data Dan Privasi

Dengan menyertai Promo, Peserta mengakui dan bersetuju dengan pengumpulan dan pemprosesan data peribadi mereka untuk tujuan yang berkaitan secara langsung dengan pentadbiran Promo dan mematuhi peraturan yang berkenaan. Ini termasuk:

- Pentadbiran Promo: Data pengguna boleh digunakan untuk mengesahkan kelayakan, memantau penggunaan kod promo, menguatkuasakan peraturan, dan memproses pengaktifan atau pembatalan bonus.
- Pematuhan Kawal Selia: FBS boleh memproses dan menyimpan maklumat Peserta seperti yang diperlukan untuk memenuhi kewajipannya di bawah peraturan anti-pengubahan wang haram (AML), kenali pelanggan anda (KYC), dan perlindungan data yang berkenaan.
- Penggunaan Testimoni Awam (jika berkenaan): Peserta yang menghantar maklum balas, testimoni, atau mengambil bahagian dalam kempen awam (contohnya, peraduan di media sosial, ulasan video) secara sukarela bersetuju dengan penggunaan, penghasilan semula, dan penerbitan bahan tersebut oleh FBS untuk tujuan pemasaran. Penyertaan dalam aktiviti promosi tersebut adalah opsyenal dan bukan satu syarat untuk menerima bonus.
- Dasar Privasi: Semua pemprosesan data tertakluk pada Dasar Privasi FBS, yang menggariskan skop penuh tanggungjawab dan hak ke atas data. Versi semasa dasar tersebut boleh didapati di: <https://fbs.com/legal-documents>

FBS tidak menjual, menyewakan, atau mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga untuk tujuan pemasaran yang tidak berkaitan. Semua pemprosesan dijalankan sejajar dengan undang-undang perlindungan data yang berkenaan.

Pelucutan Kelayakan Peserta

FBS berhak untuk melucutkan kelayakan Peserta yang tidak mematuhi Terma dan Syarat atau gagal memenuhi syarat Promo.

Klausula Akhir

FBS berhak untuk mengubah suai, menggantung, atau membatalkan Promo atau mana-mana terma yang berkaitan pada bila-bila masa, dengan atau tanpa notis terlebih dahulu, termasuk selepas Promo bermula. Sebarang perubahan akan disiarkan di laman web rasmi. Penyertaan selepas perubahan tersebut dianggap sebagai persetujuan dan penerimaan terma yang telah dikemas kini.

Mekanisme, keperluan, dan ganjaran khusus Promo mungkin dihuraikan dan dijelaskan lebih terperinci di halaman utama Promo rasmi di Laman Partner. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan halaman pendaratan, halaman pendaratan akan digunakan sebagai rujukan bagi butiran operasi dan prosedur.

Untuk sebarang pertanyaan atau soalan mengenai Promo, sila hubungi kami di support@fbs.com atau melalui LiveChat di fbs.com.